



ANUGERAH INDUSTRI MUZIK



KENYATAAN MEDIA

CALON AKHIR AIM 20 DIUMUMKAN



24th Oktober 2013, Kuala Lumpur - Lima calon terbaik bagi setiap kategori anugerah untuk edisi ke-20 acara anugerah paling berprestij di negara ini, 'Anugerah Industri Muzik' (AIM) yang dianjurkan oleh Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM) telah diumumkan dalam satu sidang media yang diadakan hari ini di Hotel Istana.

Menerusi keputusan yang diaudit oleh juruaudit terkemuka, KPMG dalam saingan sengit 18 kategori yang dipertandingkan, sejumlah 85 calon-calon yang disenarai pendek dari 17 kategori telah diumumkan hari ini.

"Penyertaan dari pengamal industri muzik sangat menggalakkan kerana kita telah menerima sejumlah 594 pencalonan pada tahun ini, peningkatan sebanyak 20% berbanding sejumlah 465 pencalonan yang diterima untuk tahun lalu. Kesemua pencalonan-pencalonan yang diterima telah diadili oleh panel juri terpilih yang hanya terdiri dari pengamal-pengamal industri muzik yang berwibawa, mahir dan disegani dalam bidang masing-masing", menurut En. Rosmin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola AIM 20. Beliau juga mengesahkan penglibatan Macomm Management Services Sdn. Bhd., firma profesional sama yang telah mengendali proses penghakiman untuk AIM tahun lalu sebagai pengendali proses penghakiman untuk AIM tahun ini.

Kategori 'Rakaman Album Terbaik' merupakan kategori anugerah pertama yang diadili pada 29hb. Ogos yang lalu diikuti penjurian untuk sebahagian besar kategori-kategori anugerah yang lain pada 5hb. September di Hotel Istana, hotel rasmi AIM 20. Kategori-kategori anugerah 'Lagu Terbaik', 'Album Terbaik' dan 'Video Muzik Terbaik' merupakan tiga kategori anugerah terakhir yang telah diadili di hotel yang sama pada 1hb. Oktober.

Senarai akhir 5 calon teratas menyaksikan Hafiz Suip, Hazama dan Amir Jahari mendahului calon-calon lain menerusi 4 pencalonan masing-masing dalam pelbagai kategori yang disertai. Sementara itu, kategori anugerah yang menjadi tumpuan ramai, 'Persembahan Vokal Terbaik di dalam Lagu (Lelaki dan Wanita)' melihat kemasukan pendatang baru, Ronnie dari kumpulan Hyper Act dan Najwa Mahiaddin bersaing di kalangan nama-nama besar industri muzik seperti Faizal Tahir, Hafiz Suip, Dato' Siti Nurhaliza dan Jaclyn Victor dalam kedua-dua kategori tersebut.

Dengan penambahan kategori baru, 'Persembahan Vokal Duo/Kolaborasi Terbaik di dalam Lagu', senarai calon akhir menyaksikan paduan suara penyanyi-penyanyi ternama tanahair di dalam lagu-lagu popular semasa termasuk "Sedetik Lebih" gandingan Anuar Zain & Dayang Nurfaizah, "In Love With You" dendangan Noh Salleh & Aizat Amdan dan "Lari" yang dibawa Sleaf & Hazama.

RIM juga telah mendedahkan senarai penuh juri-juri terkemuka yang terlibat dalam proses penjurian yang terdiri daripada tokoh-tokoh berwibawa industri muzik tanahair termasuk Adnan Abu Hassan, Ajai, Aubrey Suwito dan Dato' Ramli Sarip. Pengarah Muzik tersohor tanahair, Dato' Ramli MS bertindak sebagai Ketua Juri untuk tahun ini.

Menurut Pengurus Saluran Astro Ria, Encik Raqim Ahmad, "Pihak Astro amat berbesar hati di atas kepercayaan yang diberikan oleh pihak penganjur untuk meneruskan lagi usahasama dalam penganjuran AIM yang ke 20. Untuk tahun ini, pihak Astro menerusi rangkaiannya iaitu saluran Astro Ria, Maya HD dan juga ERA FM akan hadir menghulurkan sokongan selaku penyiar dan radio rasmi untuk AIM 20"

AIM 20 bakal berlangsung di Stadium Putra, Bukit Jalil pada hari Sabtu, 14 Disember 2013 bermula dengan siaran secara langsung acara 'Karpel Glamor AIM 20' pada pukul 8:30 malam disusuli siaran langsung majlis penyampaian anugerah AIM 20 pada pukul 9:00 malam secara eksklusif di Astro RIA (Saluran 104) serta siaran serentak di Maya HD (Saluran 135).

Sila rujuk kepada dokumen-dokumen yang dilampirkan untuk senarai lengkap Calon Akhir AIM 20, panel hakim dan kategori-kategori anugerah yang dipertandingkan.

Untuk maklumat lanjut mengenai RIM, sila layari www.rim.org.my. Bagi hal berkenaan dengan AIM, sila lawati laman sesawang rasmi di <http://aim.org.my>.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Jumiza Judin, Bahagian Acara & Komunikasi, RIM
Emel: jumiza.judin@rimgroup.my, Tel: 03 6207 2976